

'The Nestle Breakfast Hunt' berjaya pecah rekod, dengan penyertaan 1,700

OLEH OLI CHONG
(olichong@newsabah-times.com.my)

NST 03.12.2012 9

KOTA KINABALU: 'The Nestle Breakfast Hunt' atau 'Pencarian Harta Karun Terbesar Dengan Berjalan Kaki' berjaya memecahkan rekod sebelum ini dengan mencatat seramai 1,700 orang peserta dicatatkan.

Dengan 320 kumpulan dan seramai 1,700 orang peserta dari masyarakat dan pelajar-pelajar Universiti Malaysia, Pengarah Komunikasi Nestle Products Sdn. Bhd. Malaysia, Khoo Kar Khoon berkata, acara terbesar serta yang pertama diadakan oleh pihaknya sekaligus berjaya dicatatkan didalam *Malaysia Book Of Records* dengan menyalahkan rekod dalam sebelum ini.

"Saya sangat gembira kerana hari ini, Nestle bukan sahaja berjaya mengadakan satu aktiviti berbentuk riadah malah berjaya mencatatkan satu rekod dalam *Malaysia Book Of Records*," katanya.

Ketika ditanya adakah Nestle mempunyai perancangan untuk mengadakan aktiviti sedemikian di masa



GAMBAR BERSAMA
Para pemenang bergambar bersama Datuk Yeo Boon Hai, Ketua Pengarah DBKK (tiga dari kiri belakang), Raffie (dua dari kiri belakang) dan Khoo (tiga dari kanan).

UMS.

"Saya sangat bersetuju untuk aktiviti sedemikian diadakan lagi di masa hadapan kerana ia jelas menunjukkan sebuah aktiviti yang baik untuk para pelajar juga masyarakat.

"Kita dapat melihat, dengan aktiviti seperti itu, para pelajar yang menyertainya bukan sahaja akan dapat bekerjasama untuk menyelesaikan setiap persoalan, malah, mereka pada masa sama akan dapat membentuk satu dan mengeratkan lagi hubungan silaturahim sesama mereka," ujar beliau ketika ditemui untuk pandangan beliau.

Sebanyak sepuluh kumpulan telah berjaya memenangi suguhan berupa hamper daripada Nestle iaitu Fl@me (221), Redah Jak (051), Kuda Hitam (189), Krumedia (135), Copy Cat (027), MPP team (205), Abdul Khalid Team (141), Pineapple (080), PKK 1 (140) dan De Stones (001).

Sementara, MCC Sesat (015) sebagai Juara, Payung Emas (035) Naib Juara dan tempat ketiga Nicole Lee Siew Len Team (131) masing-masing membawa pulang RM5,000, RM3,000 dan RM2,000.

hadapan, Khoo menjawap, Nestle bukan sahaja akan mengadakan aktiviti seperti itu secara tahunan, malah, menurut Kho, pihaknya akan berbesar hati untuk mengadakan

aktiviti-aktiviti sihat seperti itu sekiranya mungkin.

Sementara itu, Pengurus Penjanjuran lokasi daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaysia

(UMS), Mohd. Raffie Janau berkata, beliau berasa sangat gembira kerana menjadi sebahagian daripada aktiviti yang mendatangkan banyak manfaat dan faedah kepada para pelajar



KELIHATAN Datuk Yeo menyampaikan sijil Malaysia Book Of Records kepada Khoo.



PESERTA yang hadir pada majlis berkenaan.